KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

RMK13 realisasi reformasi struktural,ekonomi MADANI demi rakyat

Minda Pengarang

RMK13 realisasi reformasi struktural, ekonomi MADANI demi rakyat

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam, bukan sekadar dokumen perancangan lima tahun yang kritikal, tetapi sebagai kesinambungan reformasi struktur negara dan pemulihan ekonomi pascapandemik berasaskan kerangka Ekonomi MADANI. Dalam konteks ini, RMK13 bukan hanya memperkukuh pembangunan negara yang mampan, bahkan menyusun kembali perbelanjaan dan memperbetul arah tuju serta beralih kepada penciptaan nilai sebenar yang menyeluruh dan lestari.

Tiga kebijakan utama digariskan Anwar yang juga Menteri Kewangan, iaitu tatakelola baik, kerencaman ekonomi dan pembangunan terangkum jelas mencerminkan kesinambungan dasar serta konsistensi prinsip MADANI. Kebijakan pertama itu bukan sekadar iltizam memerangi rasuah atau menambah baik kecekapan sistem penyampaian, bahkan membabitkan anjakan budaya pentadbiran secara menyeluruh untuk mengekang pembaziran dan menutup pintu salah guna kuasa serta rasuah hingga setiap sen perbelanjaan sampai kepada matlamat dan golongan sasar.

Kebijakan kedua pula menjelaskan keberanian negara yang beralih daripada sektor ekonomi sedia ada kepada penciptaan nilai. Perhatian terhadap sektor semikonduktor kini bukan lagi tertumpu kepada pengeluaran cip dan peralatan semata-mata, tetapi sudah melangkah ke arah reka bentuk litar bersepadu serta teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI). Ia menjadi isyarat Malaysia tidak mahu kekal di tangga tengah rantaian bekalan dunia, apatah lagi negara serantau juga agresif menawarkan ekosistem lebih murah, cepat dan tangkas.

Kedua-dua kebijakan itu tidak bermakna sekiranya rakyat yang perlu dijadikan fokus tidak menerima pengagihan kekayaan dan limpahan kemakmuran. Justeru, kita tertarik dengan kebijakan ketiga yang menumpukan kepada pembangunan terangkum dan responsif kerana inilah jantung sebenar kepada keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat dalam kerangka Ekonomi MADANI. Justeru, kita mahu semua pihak memberikan tumpuan besar kepada kebijakan untuk menaikkan 'lantai' kehidupan seperti menangani kos sara hidup, memperkukuh mobiliti sosial dan menyediakan akses kepada perkhidmatan kesihatan serta pendidikan berkualiti.

Bagaimanapun, kita mengingatkan pembentangan RMK13 baru langkah pertama yang perlu disambut semua pemegang taruh, bermula tentunya golongan penggubal undang-undang, iaitu Ahli Parlimen sama ada *backbencher* atau pembangkang dengan melaksanakan peranan semak dan imbang, memberikan kritikan konstruktif dan cadangan membina. Usah terbabas kepada pertelingkahan bersifat tetek-bengek atau trivia, jauh sekali menjadikan dewan sebagai pentas 'drama' untuk meraih keuntungan politik jangka pendek hingga tidak memberikan perbahasan bermutu.

Pemegang taruh seterusnya yang menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan RMK13 adalah penjawat awam yang mesti mengubah cara kerja, menanggalkan birokrasi lapuk dan bergerak seiring semangat pembaharuan. Kita menyambut baik latihan intensif digital dan AI untuk memperkasa perkhidmatan awam, namun kita mahu hasilnya benar-benar sampai kepada rakyat. Sektor swasta dan korporat juga tidak boleh sekadar menjadi penumpang keuntungan kerana peruntukan RM611 bilion RMK13 yang turut membabitkan RM61 bilion kerjasama awam-swasta perlu diterjemahkan secara bertanggungjawab hingga kita dapat meninggikan siling ekonomi negara dan mengangkat lantai kehidupan rakyat.